

# Pertingkat keupayaan hasilkan produk kritikal

BH - 19/7/2020 m/s: 2

**Kuala Lumpur:** Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin berkata, Malaysia perlu mempunyai keupayaan dalam mengeluarkan produk kritikal dan tidak bergantung kepada produk import.

Perdana Menteri berkata, sektor kritikal ini merangkumi sektor makanan dan minuman, peranti perubatan, ubat-ubatan, petrokimia dan peralatan perlindungan peribadi seperti sarung tangan dan pelitup muka.

Katanya, apabila negara mempunyai keupayaan itu, maka kita mampu mengurangkan aliran keluar mata wang Malaysia dan seterusnya meningkatkan eksport barangan tempatan.

“Kerajaan kini mengkaji dan menilai semula dasar sedia ada untuk mengurangkan kebergantungan kepada produk import.

“Kerajaan juga memberikan ke-

utamaan kepada pembinaan keupayaan industri tempatan mengeluarkan produk buatan Malaysia,” katanya berucap merasmikan Kempen Beli Barangan Malaysia Tahun 2020 (KBBM) dan Program Jualan Mega di pusat beli-belah Suria, KLCC di sini, semalam.

Muhyiddin berkata, kerajaan memberikan perhatian kepada produk keluaran tempatan.

“Ini diterjemahkan menerusi dasar kerajaan sedia ada yang merangkumi penyediaan insentif kepada perniagaan tempatan untuk membina keupayaan, terutama dalam peningkatan kualiti produk dan pembungkusan, memberikan keutamaan kepada produk tempatan dalam perolehan kerajaan serta penganjuran program pemasaran antarabangsa,” katanya.

Pada masa sama kerajaan terus

membantu pihak industri, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menangani masalah aliran tunai menerusi pelbagai insentif yang diperkenalkan kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) serta Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

Insentif itu katanya, bagi memastikan ekonomi negara kekal berdaya saing dalam usaha merangsang dan merencanakan semula ekonomi domestik.

Perdana Menteri berkata, penggunaan platform e-dagang amat berkesan memberi pilihan lebih banyak kepada pengguna untuk membeli produk Malaysia secara maya.

Melalui Pelan Strategik Hala-tuju e-Dagang Kebangsaan, lebih daripada 37 kementerian dan agensi menggembeleng tenaga untuk mengembangkan lagi aktiviti

e-dagang di Malaysia.

Ini termasuk memberikan latihan kepada 322,834 PKS serta peruncit dalam menggunakan platform e-Dagang untuk memasar dan mengeksport produk keluaran Malaysia sejak 2016.

Hikmah di sebalik pandemik COVID-19, kebanyakan komuniti perniagaan sudah beralih kepada penggunaan teknologi digital dengan lebih meluas.

“Dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, 79,274 PKS dilaporkan sudah memanfaatkan platform e-Dagang.

“Jumlah ini melebihi sasaran Kerajaan untuk melatih 50,000 PKS dalam setahun,” katanya.

Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan penjualan runcit dalam talian menggambarkan perkembangan aktiviti e-dagang dengan peningkatan 39.3 peratus pada

Mei 2020, berbanding Mei 2019.

“Aktiviti e-dagang juga melonjak 9.3 peratus berbanding April 2020,” katanya.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata selain meningkatkan kesedaran kepenggunaan bagi memperkukuh perbelanjaan dan ekonomi domestik, KBBM juga bertujuan meningkatkan patriotisme dalam kalangan rakyat bagi membantu pengusaha tempatan mempromosi pelbagai barangan, produk dan perkhidmatan.

“KPDNHEP diberikan dana oleh kerajaan melaksanakan Kempen Beli Barangan Malaysia dan peruntukan ini akan digunakan sepenuhnya secara khusus untuk membantu usahawan, pengusaha dan pengilang tempatan,” katanya.